

Headline	Gangguan bekalan elektrik gara-gara kontraktor SESB		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	25 Jan 2014	Color	Black/white
Section	Tempatan	Circulation	29,826
Page No	7	Readership	97,836
Language	Malay	ArticleSize	242 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 499
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 1,496



# Gangguan bekalan elektrik gara-gara kontraktor: SESB

Sidney Skinner

KOTA-KINABALU: Tindakan seorang kontraktor yang dipertanggung-jawabkan untuk kerja membesarkan jalan raya di Putatan harus dipersalahkan berikutan gangguan bekalan elektrik apabila penduduk di Taman Teluk Villa mengalami kegelapan baru-baru ini.

Seorang jurucakap Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) berkata individu itu dengan tidak sengaja merosakkan kabel bawah tanah syarikat ini semasa mengorek berdekatan dengan struktur ini.

"Bekalan elektrik ke kawasan kejiranan terjejas untuk beberapa jam selama dua hari berturut-turut awal bulan ini," katanya.

Namun demikian, sebuah genset bergerak dihantar ke kawasan tersebut bagi mengurangkan impak ketika adaan bekalan elektrik."

Katanya bekalan elektrik kemudian telah pulih semula di kawasan pengguna yang terjejas secara berperingkat pada hari yang sama kedua-dua kawasan berkenaan.

Jurucakap itu berkata bahawa kakitangananya sudah diarah untuk memantau bekalan ke kawasan tersebut bagi mengelakkan masalah ini berulang.

Terdahulu SESB menggesa kontraktor yang melakukan projek pembangunan besar, termasuk kerja membesarkan jalan raya itu, supaya memberi notis awal kepada syarikat itu terhadap aktiviti mereka.

Syarikat itu berharap dengan cara ini dapat mengurangkan sebarang gangguan bekalan elektrik yang tidak disengajakan oleh kerja pembinaan berkenaan.

Seorang pembaca *Harian Ekspres* yang tinggal di Taman Villa berkata, bekalan elektrik ke kawasan kejiranan dan berhampiran Kg Sepanggil terjejas untuk beberapa jam selama dua hari berturut-turut baru-baru ini.

Katanya bekalan elektrik ke rumahnya terjejas selama lebih dari pada tiga jam dari jam 6.30 pagi pada pagi Ahad baru-baru ini.

"Pada keesokan harinya, saya

kehilangan bekalan elektrik lebih daripada dua jam diantara jam 4 pagi hingga 7 pagi," katanya.

Dua jam kemudian, bekalan elektrik terputus lagi dan apabila dia menghubungi akhbar ini pada 4.20, petang, bekalan elektriknya masih belum dipulihkan.

Pada kedua-dua harinya, saya menghubungi Pusat Pengurusan Pelanggan SESB dan terkejut apabila mendapati bahawa kakitangan syarikat itu sendiri langsung tidak tahu akan kedua-dua kejadian bekalan terputus itu," katanya.

Kejadian bekalan terputus ini merupakan satu daripada kejadian yang sering dialami beberapa kali, menurutnya.

"Bekalan elektrik boleh terputus bila-bila masa sahaja," katanya saman bil menambah bahawa dia pertama kali menyedari masalah ini beberapa kali bulan yang lalu.

Pembaca itu telah menyediakan kepada akhbar ini masa dan tarikh kejadian bekalan terputus. Maklumat ini telah dimajukan kepada SESB.